

## MAJLIS PELANCARAN STANDARD DURIAN KAMPUNG PREMIUM (DKP)



Jelebu, 26 Jun –Majlis Pelancaran Standard Durian Kampung Premium (DKP) oleh Timbalan Menteri Pertanian I, YB Datuk Seri Hj Ahmad bin Hamzah. Turut hadir sama, Ketua Pengarah Pertanian Tuan Hj Mohd Nasir Warris.

Jabatan Pertanian telah menggariskan panduan bagi mengenalpasti DKP supaya durian ini boleh diketengahkan dan diberi perhatian agar mendapat harga yang setimpal dengan kualitinya di pasaran. 20% daripada

keseluruhan kebun durian kampung di Malaysia memiliki buah durian kampung yang premium.

Antara ciri-ciri DKP yang telah digariskan adalah, buah bebas daripada kecacatan dan kerosakan akibat perubahan suhu tinggi atau rendah, buah berbentuk sempurna, isi berwarna krim atau kuning atau jingga, ketebalan isi melebihi 10mm, kemanisan isi melebihi 25° Brix (Bx), isi rasa berlemak dan sedikit rasa pahit, serta berat buah melebihi 1 kg.